



Sarawak tawar kemudahan rakyat miliki rumah

Oleh Mohd Roji Kawi - November 21, 2022 @ 1:27pm

KUCHING: Belanjawan Sarawak 2023 turut menggariskan matlamat penting dalam memastikan kesejahteraan rakyat khususnya menjadikan pemilikan rumah lebih mudah bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg, berkata kemudahan pemilikan rumah itu adalah inisiatif keempat di dalam 11 strategik teras belanjawan yang bertemakan 'Sarawak Didahulukan: Ke arah masyarakat yang inklusif, makmur dan harmoni'.

Beliau berkata, inisiatif untuk meningkatkan peluang dan memudahkan pemilikan rumah itu dimanifestasikan menerusi pelbagai inisiatif.

"Pertamanya, Sarawak memperkenalkan Skim Pinjaman Rumah Panjang iaitu pinjaman tanpa faedah bagi membantu mereka yang tinggal di kawasan luar bandar mendapat kediaman yang selesa untuk didiami.

"Skim ini menawarkan pinjaman tanpa faedah sehingga RM30,000 seperti dalam bentuk bahan binaan untuk komuniti rumah panjang membina atau memperbaiki unit mereka," katanya ketika membentangkan Belanjawan Sarawak 2023 di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, hari ini.

Mengulas lanjut, Abang Johari yang juga Menteri Kewangan Sarawak berkata, sejak 2020, sejumlah RM142 juta diperuntukkan untuk skim itu sudah diagihkan yang memberi manfaat kepada 218 rumah panjang di seluruh Sarawak.

"Kerajaan Sarawak akan menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk Skim Pinjaman Rumah Panjang pada 2023," katanya.

Selain itu, skim Deposit Perumahan dan Skim Bantuan Bayaran Balik (HDRAS) yang menyediakan bantuan deposit sebanyak 10 peratus daripada harga belian atau sehingga RM10,000 kepada pembeli rumah pertama disediakan kepada kumpulan B40 dan M40 untuk membeli rumah mampu milik yang dibenarkan oleh kerajaan Sarawak.

Beliau berkata, skim itu turut menyediakan subsidi bayaran balik kepada pembeli rumah pada kadar RM200 sebulan sehingga 48 bulan.

"Bagi tujuan itu, sejumlah RM40 juta lagi akan disediakan di bawah skim ini untuk memanfaatkan 4,000 pembeli rumah dan sehingga kini, 318 permohonan sudah diluluskan," katanya.

Abang Johari berkata, antara satu faktor yang menghalang rakyat memberi rumah ialah kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan bank.

Bagi menangani isu itu, kerajaan Sarawak menyediakan pembiayaan untuk pembeli rumah B40 dan M40 pada kadar faedah hanya satu peratus.

"Sehingga kini, sejumlah RM107 juta dikeluarkan oleh kerajaan Sarawak kepada Mutiara Mortgage and Credit Sdn Bhd untuk tujuan itu dan hingga kini, sebanyak 1,337 permohonan telah diluluskan membolehkan peruntukan kewangan sebanyak RM80 juta dengan sejumlah RM48 juta sudah diagihkan kepada 976 pemohon," katanya.

Inisiatif kelima yang disediakan ialah menyediakan bantuan untuk sewaan dan pembaikan rumah menerusi Skim Bantuan Sewa Sarawak (SRAS) dan Program Pembaikan Rumah Rakyat Miskin Sarawak (MRP-PPRMS).

"Menerusi SRAS yang diperkenalkan pada 2021, kerajaan menyediakan bantuan sewa bulanan sebanyak RM200 untuk tempoh sehingga 36 bulan kepada isi rumah berpendapatan rendah yang layak.

"Peruntukan sebanyak RM48 juta sudah diluluskan di bawah inisiatif ini yang akan memanfaatkan kira-kira 20,000 isi rumah yang layak dan sehingga kini, 1,335 isi rumah sudah dibantu," katanya.

Menerusi MRP-PPRMS yang akan dilaksanakan tahun depan dengan peruntukan RM80 juta pula, golongan B40 dibantu memperbaiki rumah usang mereka bagi menambah baik keadaan hidup mereka.